

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8979**

**SOALAN:**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) sejak 2014 dan pelaksanaan ujian psikometrik bagi perjawatan konstabel, sarjan dan inspektor dalam memulihkan imej dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap PDRM.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), membuktikan komitmen pucuk pimpinan dalam merealisasikan hasrat PDRM ke arah menjadikan perkhidmatan kepolisan bertaraf dunia (*World Class Policing*). Di samping itu, penubuhan JIPS juga bagi memperkasakan integriti serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat bagi memastikan PDRM kekal relevan sebagai agensi penguatkuasa yang dipercayai dan diyakini masyarakat.**

**JIPS adalah gabungan daripada Urus Setia KPN Integriti (Tatatertib), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) serta Cawangan Naziran yang dikoordinasikan di dalam satu jabatan yang khusus berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 tahun 2013 yang mengandungi 6 teras iaitu:-**

- 1. Urus Tadbir/Kepolisan Am**
- 2. Bahagian Agama dan Kaunseling**
- 3. Pengurusan Aduan**
- 4. Pematuhan**
- 5. Risikan Operasi**
- 6. Siasatan/Perundangan/Kajian Kes**

**Pendekatan-pendekatan yang diambil oleh JIPS PDRM semenjak penubuhannya sehingga kini adalah seperti berikut:-**

- 1) Mewujudkan Sistem Pengurusan Pengaduan yang efisien, diyakini, telus, cepat dan berkesan.**

**JIPS akan memastikan setiap aduan yang diterima akan disiasat dengan telus tanpa prejudis dan mengambil tindakan ke atas semua aduan dan maklumat dengan efisien, berkesan dan memenuhi kehendak pengadu, responsif dan profesional mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. Hasil aduan, komen, cadangan dan idea yang diterima oleh JIPS akan diberi maklum balas (*response and action time*) yang cepat dan standard.**

- 2) Pelaksanaan Kempen Tolak Rasuah PDRM**

**Kempen Tolak Rasuah PDRM ini merupakan kempen yang dilaksanakan bertujuan untuk mengikis persepsi masyarakat serta memberikan kesedaran kepada semua pihak supaya mengatakan “tidak” terhadap jenayah rasuah. Kempen ini adalah untuk memastikan masyarakat faham bahawa amalan memberi ataupun menerima rasuah merupakan kesalahan jenayah. Pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada prinsip “*zero tolerance*” dan tidak akan berkompromi sama sekali terhadap perlakuan rasuah dengan mengambil tindakan**

**tegas terhadap mana-mana pegawai polis dan individu yang cuba dan mahu menawarkan rasuah.**

**3) Kolaborasi dengan agensi-agensi luar**

**Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi luar seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Biro Pengaduan Awam (BPA) dan lain-lain agensi yang berkaitan. Kolaborasi yang erat dan baik dalam perkongsian maklumat dan pengetahuan, amalan-amalan tadbir urus terbaik dan bertukar idea, pengalaman serta kemahiran dengan badan-badan penguatkuasa lain di Malaysia merupakan salah satu langkah yang diambil bagi memastikan integriti warga PDRM sentiasa berada di tahap yang terbaik.**

**Antara skop tugas JIPS adalah seperti berikut:-**

- i) Tugas kawal selia bagi memastikan semua arahan dan peraturan yang termaktub di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Pekeliling dan Arahan-arahan pentadbiran serta SOP dipatuhi oleh seluruh warga PDRM;**
- ii) Pemeriksaan Integriti bagi memastikan barisan hadapan PDRM sentiasa siap siaga dalam memberi perkhidmatan**

yang terbaik dan berintegriti selaras dengan kehendak pasukan; dan

- iii) Memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan SOP yang berkuatkuasa.

Kaedah pengukuran yang dibuat untuk menentukan integriti PDRM sentiasa terpelihara selain daripada pemeriksaan proaktif yang dibuat secara berkala, pihak PDRM juga telah mengambil pendekatan seperti berikut:-

- i) **Big League Table (BLT)**

*Big League Table (BLT)* diperkenalkan dengan kerjasama pihak PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bagi mempertingkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap pasukan polis dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh balai polis. Di samping itu, ia dapat mengeratkan kerjasama antara masyarakat dan polis. BLT dilaksanakan dengan menggunakan *Scoring Model Prinsip* pengurusan berasaskan penilaian aspek kuantitatif seperti jenayah indeks dan aktiviti dengan masyarakat. Manakala kualitatif seperti penilaian secara fizikal dan kajian kepuasan pelanggan.

**ii) Jawatan Kuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)**

JIPS merupakan *inisiatif owner* bagi Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan bertanggungjawab untuk mengurus, merancang dan mentadbir perjalanan jawatankuasa ini. JKJU merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengenalpasti dan mengkaji kelemahan dalam sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan dan agensi yang lapuk ataupun terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai karenah birokrasi. Ini mungkin akan melemahkan pentadbiran, mengurangkan kecekapan, tiada akauntabiliti serta membuka ruang kepada karenah birokrasi, kelewatan, ketidakadilan dan terlalu banyak penggunaan budi bicara di samping membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

**iii) Sistem Kawalan Displin Dan Dadah (SKDD)**

Pemeriksaan ke atas pelaksanaan Sistem Kawalan Displin dan Dadah (SKDD) dijalankan dengan matlamat membantu anggota polis menjauhkan diri daripada aktiviti penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah dan termasuklah pengawalan daripada berlakunya aktiviti rasuah. SKDD meliputi butir-butir (1) Peribadi, (2) Kerjaya, (3) Pendapatan dan Harta, dan (4) Laporan Penyelia. Perjumpaan secara personal penyelia dan anggota yang diselia wajib

**dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Perjumpaan adalah bagi menyampaikan teguran, nasihat, arahan dan prestasi diri serta kebahagiaan keluarga.**

**Pelaksanaan ujian psikometrik atau '*Malaysian Integrity Test*' (MIT) bagi perjawatan konstabel, sarjan dan inspektor adalah bertujuan untuk membuat tapisan menyeluruh mengenai integriti dan mengukur nilai kerja, pandangan positif, sosial, tingkah laku langsung serta etika terhadap calon-calon yang memohon jawatan tersebut. Ujian ini telah berjaya membantu PDRM dalam mendapatkan calon-calon yang bersesuaian ke arah meningkatkan tahap profesionalisme PDRM dan seterusnya meningkatkan imej dan keyakinan rakyat terhadap PDRM.**